

25 APR 2003

Lim-Economist

THE ECONOMIST SERING BUAT SPEKULASI BURUK TERHADAP M'SIA

PORT DICKSON, 25 April (Bernama) -- Majalah The Economist sering membuat spekulasi buruk terhadap Malaysia dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata majalah itu juga tidak pernah memberi reaksi positif terhadap negara ini.

Majalah itu berharap apa yang mereka perkatakan itu betul, tetapi sebenarnya rakyat Malaysia lebih bijak menilai kepimpinan Perdana Menteri daripada apa yang ditulis oleh majalah itu.

"Kritikan terhadap Perdana Menteri boleh diibaratkan sebagai "peluru tersasar" kerana gagal meracuni fikiran dan pemikiran rakyat Malaysia terhadap Perdana Menteri," katanya diminta mengulas laporan majalah itu yang mengkritik kepimpinan Dr Mahathir.

Lim ditemui selepas menyampaikan Anugerah Perladangan 2002 Kumpulan Guthrie Berhad di Ladang Sua Betong, dekat sini, hari ini. Hadir sama ialah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Guthrie Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Pada majlis itu, Ladang Sabak Bernam, Selangor diumumkan sebagai Ladang Terbaik 2002, menerima hadiah wang tunai RM27,000 dan plak.

Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama tidak menolak tindakan dan kritikan majalah itu mempunyai niat jahat terhadap Malaysia.

Di bawah bahagian bertajuk "A Qualified Success" yang merupakan kesimpulan rencana itu antaranya menyatakan: "The greatest service of Dr Mahathir could render Malaysia after all these years would be to retire, full stop." (Bakti terbaik yang Dr Mahathir boleh sumbangkan selepas sekian lama ini ialah untuk bersara, bersara buat selama-lamanya).

Selain itu ia juga menyatakan "Installing Dr Mahathir in Jeddah where the OIC is based, would have another great advantage, for Malaysia at least; it would get him out of the country."

(Menempatkan Dr Mahathir di Jeddah di mana terdapat ibu pejabat OIC, akan mempunyai satu lagi kelebihan, sekurang-kurangnya bagi Malaysia; ia akan membawa beliau keluar dari negara).

"Will he (Pak Lah when takes over) be able to dispense with the authoritarianism that to many, has made Dr Mahathir look more than a jailer than guardian of his people."

(Bolehkan beliau (Pak Lah apabila mengambil alih) dapat memerintah dengan menunjukkan kuasa seperti yang ramai berpendapat Dr Mahathir dilihat lebih sebagai orang yang memenjarakan daripada orang yang menjaga rakyatnya)

Isu-isu lain yang disentuh oleh artikel itu mengenai hubungan kaum, Dasar Ekonomi Baru, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), perbelanjaan projek mega, ancaman Pas dan kemampuan Umno dan Barisan Nasional.

-- BERNAMA

APG PR